

21 JULAI 2021 ( RABU )

### Tampoi, sentul ganti pokok durian

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@metro.com.my

Raub

Pejabat Pembangunan Hutan (PPH) Pahang Barat menanam 610 pokok nadir spesies tampoi dan sentul di kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam, yang dijadikan kebun durian Musang King secara haram, sebelum ini.

Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Wan Ghazali Wan Ali berkata, selain dua spesies itu, pihaknya turut akan menanam pokok ara yang sesuai ditanam di kawasan itu.

Beliau berkata, pokok ara akan ditanam di kawasan lembah serta tepi sumber air kerana pokok spesies berkenaan memerlukan lebih air untuk membesar dan subur.

"Sebanyak 200 pokok sentul dan 410 pokok tampoi berumur enam bulan hingga setahun ditanam secara berselerak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang bentuk muka buminya berbukit.

"Saya yakin dua spesies pokok nadir berkenaan mampu hidup subur di ka-

PPH tanam 610 pokok nadir disemai berselerak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam



KAKITANGAN JPNP menanam pokok sentul dalam Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang diceroboh sebelum ini. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

wasan hutan simpan terabit yang persekitarannya agak sejuk dan berangin serta tanah subur.

"Difahamkan dalam masa antara 12 hingga 15 tahun akan datang pokok berkenaan yang mencapai keting-

gian beberapa meter dan mengeluarkan hasil," katanya.

Wan Ghazali berkata, pokok nadir ditanam

dalam Hutan Simpan Kekal Batu Talam

sebagai usaha menjaga kawasan terabit

sebagai hutan semula jadi dengan pelbagai pokok hutan.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya turut menanam pelbagai spesies pokok nadir dalam kawasan bekas lesen pembalakan serta kawasan

ceroboh di negeri ini.

"Sehingga semalam, kami menanam 12,295 pelbagai spesies pokok hutan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang sebelum ini diteroka secara haram dengan menjadikan kebun durian Musang King.

"Kami cuti sebari sahaja untuk menyambut Hari Raya Aidiladha dan kerja menanam akan disambung semula membabitkan penyer-taan antara 60 hingga 75 kakitangan JPNP daripada beberapa Pejabat Hutan Daerah (PHD).

"Program menanam pokok hutan terdiri daripada jenis merawan, meranti, balau, keruing dan beberapa spesies lain dilakukan hingga selesai membabitkan 20,000 pokok ditanam dalam kawasan seluas 101 hektar itu," katanya.

Hutan Simpan Kekal Batu Talam menjadi lokasi Operasi Pamah bermula 3 Julai lalu selepas ia diceroboh pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikannya kebun durian Musang King.

Hutan Simpan Batu Talam adalah kawasan tadahan air yang diwartakan pada 2002, sekiranya pencemaran berlaku ia akan menjejaskan sumber air penduduk daerah ini.

200 pokok sentul dan 410 pokok tampoi berumur enam bulan hingga setahun ditanam